

# Memiliki sijil akademik impian setiap individu

UB 23-10-2012 B4

Oleh NOORASVILLA MUHAMMA  
noorasvilla@yahoo.com

**MEMILIKI** sekeping sijil pelajaran tidak kira di peringkat sijil, diploma, ijazah dan sebagainya memang menjadi impian bagi setiap individu.

Hasil penat lelah bertungku-lumus menghadiri kuliah dan menyiapkan tugas dalam tempoh pengajian pastinya terbayar dengan kegembiraan apabila menyarung jubah dan mortar untuk naik ke pentas menerima sijil.

Itulah kepentingan pendidikan, yang kini menjadi antara fokus utama kerajaan dalam melahirkan lebih ramai modal insan yang berkualiti dan seterusnya mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Pendidikan pada masa kini menjadi salah satu aset penting yang perlu ada pada setiap individu tidak kira yang tinggal di bandar maupun luar bandar.

Kepentingan mempunyai pendidikan turut dikongsi oleh pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kota Kinabalu, yang menerima sijil pada Majlis Konvokesyen UMS ke-14, baru-baru ini.

Patimang Abdul Ghani, 23, berkata pendidikan bukan sahaja penting untuk



**PATIMANG**

masa depan terutama dalam mendapatkan pekerjaan yang baik, malah ia juga boleh diaplakasikan setiap masa.

Katanya, ia termasuk melindungi diri daripada sebarang penganiayaan oleh pihak lain yang cuba memperlekeh atau memperbodoh seseorang kerana mempunyai tahap pendidikan yang rendah.

"Selain itu, pendidikan juga merupakan panduan dan bekalan bagi seseorang itu untuk mengharungi cabaran kehidupan di era globasasi. Tanpa pendidikan, diri kita kosong," katanya ketika ditemui di Sandakan.

Berkongsi pengalaman, pada asalnya beliau hanya bercadang meneruskan pembelajaran hingga ke



**NOORASDIANA**

tingkatan 6 berikutan masalah kewangan sebelum mengejar cita-citanya untuk menjadi seorang pegawai polis.

"Bagaimanapun, pada ketika itu untuk menjadi seorang pegawai polis memerlukan sekurang-kurangnya kelulusan di peringkat ijazah.

"Saya tidak berputus asa dan menganggap ia sebagai cabaran dan juga petunjuk kepada saya untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi," jelasnya.

Mendapat sokongan positif daripada ibu bapa dan keluarga, Patimang juga menjadikan faktor ingin keluar dari kepompong kemiskinan sebagai dorongan untuk beliau terus berjaya

dalam pengajian.

Sementara itu, Noorasdiana, 23, berkata menimba ilmu merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat, dan tidak hanya tamat selepas tamat pengajian di sekolah rendah, menengah maupun institut pengajian tinggi (IPT).

Katanya, mempunyai

pendidikan yang berkualiti berupaya membantu membaiki taraf hidup sesebuah keluarga selain memperolehi kerja yang bagus demi masa depan yang lebih terjamin.

"Saya memilih ke IPT kerana ingin mencabar diri untuk peringkat lebih tinggi meskipun apabila pembelajaran yang lebih

tinggi. Selain itu, suasana persekitaran yang berbeza berbanding semasa belajar di sekolah dulu banyak membantu saya untuk lebih berdikari," katanya.

Beliau juga menyimpan impian untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi meskipun apabila sudah bekerjaya kelak.

Jelasnya, meskipun mempunyai komitmen terhadap kerjaya ataupun keluarga kelak, namun ia bukan penghalang untuk seseorang itu berjaya dalam bidang pendidikan, sebaliknya merupakan pendorong untuk kita melakukan yang terbaik demi orang yang tersayang.



**WAJAH** ceria graduan pada Majlis Konvokesyen UMS ke-14, baru-baru ini.